

Memperingati Mutu Peribadi

Manusia, sebagaimana yang dijelaskan oleh *Allah 'azza wa jalla*, telah dijadikan dari kejadian suci yang tidak berubah-ubah, iaitu “fitrah”. Semenjak berkurun-kurun yang lalu diturunkan wahyu Ilahi dengan perantaraan Nabi-nabi dan Rasul-rasul ganti berganti, tidak lain tujuannya ialah untuk merupakan kehidupan fitrah suci itu, sehingga manusia mempunyai peribadi yang mulia dan dapat menjadi anggota masyarakat yang berguna dan berbuat jasa untuk kebahagiaan umum.

(Oleh: al-Ustādh Abdul Rahman Ya'kub)

Manusia Berjenis-jenis

Tidak dapat disangkal, bahawa sebanyak mana umat manusia yang mengikuti dan taat kepada ajaran-ajaran yang dibawa oleh Nabi-nabi dan Rasul-rasul itu, maka sebanyak itu pula yang mengingkarinya, sehingga berlaku berbagai-bagai kerosakan masyarakat, yang sentiasa mengancam kebahagiaan dan kemuliaan manusia sudah terletak di atas kebendaan semata-mata dengan meninggalkan nilai akhlak dan jiwa. Ilmu pengetahuan yang memuncak telah dijadikan alat untuk menghancur dan membinasakan bumi dan isinya dalam sekilip mata. Kekuasaan dan kekuatan hanya memenuhi kehendak kesenangan jasmani dan nafsu syahwat.

Kemenangan seolah-olah hanya bagi orang-orang yang kuat dan berkuasa, bukan berada di pihak yang benar dan adil.

Lahirlah perbuatan-perbuatan curang yang merugikan masyarakat dan negara, seperti tipu, rompak, curi, zina, judi, dan sebagainya.

Pada hal Islam memandang ketinggian dan kemuliaan manusia itu ialah kerana iman dan takwanya kepada Allah *Ta 'alā*, seperti mempunyai rasa kasih sayang terhadap

sesama makhluk dan berjasa kepada manusia amnya.

Demikian pula ukuran kemajuan, bukanlah semata-mata terletak kepada ilmu yang banyak, tetapi juga kepada budi pekerti, dengan tidak memandang bangsa dan warna kulit.

Iman dan Mentauhidkan Allah

Walaupun telah berganti-ganti Nabi dan Rasul yang diutus oleh Allah 'azza wa jalla kepada alam manusia, namun tugas mereka tetap tidak berubah-ubah iaitu menyerukan iman dan mentauhidkan (mengesakan) Allah *Ta 'alā* kepada sekalian manusia. Kehidupan iman dan tauhid itulah pokok ketinggian dan kemuliaan mutu peribadi manusia. Manusia sentiasa diserukan supaya beriman kepada Allah yang menjadikan segala-galanya dan menentukan kekuasaan-Nya di atas segala yang lain, tidak ada suatu kekuasaan pun dapat berlaku jika tidak dengan izinnya, dan manakala telah dikehendaki tidak ada yang dapat merintanginya.

Hidup mentauhidkan Allah mempunyai pengertian;

Tidak menyekutukan-Nya dengan yang lain. Sifat ketuhanan

itu hanya Allah sahaja yang memilikinya. Kepadanya kita diperintah supaya taat dan menyerah diri. Tidak dapat disangkal bahawa segala punca kerosakan masyarakat ialah kerana rosaknya kehidupan iman dan tauhid itu.

Ikhlas Beramal

Belumlah sempurna ketinggian dan kemuliaan peribadi kita, sebelum kita sanggup melakukan amal dan jasa kepada masyarakat manusia, sedang amal yang baik itu pula berkehendak niat yang ikhlas. Oleh sebab itu mustahaklah terlebih dahulu kita membersihkan hati dan niat dari segala maksud yang kotor, seperti syirik, takabbur, riya' atau pun kerana mengharapkan keuntungan kebendaan, pangkat, kehormatan, kemasyhuran yang rendah dan untuk keduniaan semata-mata. Kerana semua amal yang seperti itu, akan mudah patah di tengah jalan, atau akan terpaling, tidak tahan menghadapi cubaan dan ujian, apalagi jika kedudukannya akan tersinggung, atau keyakinan akan berkurang, ataupun kemewahannya akan hilang. Allah *subhānahu wa ta 'ālā* menggambarkan orang yang seperti itu dengan firmannya, yang bermaksud: "Di antara manusia ada orang yang menyembah Allah di dalam keraguan. Jika ia ditimpa cubaan berpalinglah hatinya berlaku kufur. Orang ini rugi di dunia dan di akhirat. Itulah kerugian yang senyata-nyatanya". (11, al-Haj).

Suasana Sekarang

Di dalam menghadapi suasana sekarang ini, marilah kita memperbanyak amal usaha yang berguna, lebih-lebih lagi dalam masa menghadapi pembangunan bagi menciptakan masyarakat yang adil dan makmur, yang sentiasa menjadi idaman itu.

Kita seyogialah sedar, bahawa segala amal yang kita

lakukan di dunia ini adalah menjadi cermin bagi

kehidupan kita kelak di kemudian hari, baik yang mengenai ibadat, mahu pun yang mengenai usaha-usaha untuk mencapai kemajuan.

Sudah terbit! Penggal keempat!

'Umar ibn al-Khaṭṭāb

Oleh

Abdullah Basmeih

Riwayat hidup

Khalifah Islam yang Kebilangan

Empat Penggal Tamat.

Sepenggal \$ 1.20 pos 10 sen

Mintalah kepada penerbitnya:

Qalam

8/356 Geylang Road, Singapura, 14